


SEBUT HARGA DALAM TALIAN



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

BAGI

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG, RUMAH PAM DAN PENYEDIAAN PENYELAMAT NYAWA DI KOMPLEKS KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN (KOMPLEKS 3K), SS 13, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/711
TARIKH BUKA	17 APRIL 2026
TARIKH TUTUP	30 APRIL 2026
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

www.mbsj.gov.my

ISI KANDUNGAN

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG, RUMAH PAM DAN PENYEDIAAN PENYELAMAT NYAWA DI KOMPLEKS KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN (KOMPLEKS 3K), SS 13, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/711

SENARAI KANDUNGAN		
BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS 1 – SS 5
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISAL (LAMPIRAN 12)	BP 1
D	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA (LAMPIRAN 13)	SAS 1
E	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP 1 – AKP 16
F	BORANG SEBUT HARGA	BS 1
G	<i>PREAMBLES</i>	P 1
H	RINGKASAN SEBUT HARGA	RS1
J	SENARAI KUANTITI	SK 1/5 – SK 5/5
K	PENENTUAN PERKHIDMATAN	PP 1 – PP 12
L	KADAR DENDA	KD 1 – KD 2
M	MAKLUMAT PETENDER	MP 1 – MP 12
N	PELAN LOKASI / GAMBAR	PLG 1 – PLG 12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang memerlukan kami untuk mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Sebut Harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Sebut Harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang disebut harga. Justeru itu, Sebut Harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli Jawatankuasa Sebut Harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang disebut harga, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum Sebut Harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Sebut Harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
3	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Salinan Borang D atau Borang E bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau ; Salinan Borang Teras (' <i>Super Form</i> ') bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO) (Lampiran 12) berdasarkan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 (Akta A 1701) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Permerdagangan Orang dan Buruh Paksa (Lampiran 13) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun kalendar semasa dan berstatus 'PATUH' – sila rujuk Garis Panduan Operasi Bil 1. Tahun 2025 Lembaga Hasil Dalam Negeri di lampiran kepada Arahan Kepada Petender. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat atau Sijil Akuan pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
10.	<p>Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain lain seperti:</p> <p style="margin-left: 20px;">a) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan</p> <p style="margin-left: 20px;">b) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan</p> <p style="margin-left: 20px;">c) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) yang telah DISAHKAN dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat</p> <p style="margin-left: 20px;">d) Salinan sijil-sijil kursus/seminar/latihan berkaitan</p>	<div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div> <div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div> <div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div> <div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div>	<div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div> <div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div> <div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div> <div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div>
11.	<p>Lain-lain (Sila nyatakan) :</p> <p style="margin-left: 20px;">i) _____</p> <p style="margin-left: 20px;">ii) _____</p> <p style="margin-left: 20px;">iii) _____</p>	<div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div> <div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div> <div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div>	<div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div> <div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div> <div style="margin-bottom: 10px;"><input type="checkbox"/></div>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar.</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada)</p>
<p>Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :</p>	<p>Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :</p>
	<p>Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :</p>



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

**SURAT AKUAN PEMBIDA
(LAMPIRAN 6)**

SURAT AKUAN PEMBIDA Bagi

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG, RUMAH PAM DAN
PENYEDIAAN PENYELAMAT NYAWA DI KOMPLEKS KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN
(KOMPLEKS 3K), SS 13, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

MBSJ.KUB.400-5/6/711

Saya, (Nama Wakil Syarikat) No. Kad
Pengenalan yang mewakili
..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini
mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana- mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] .
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL (LAMPIRAN 12)

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG, RUMAH PAM DAN
PENYEDIAAN PENYELAMAT NYAWA DI KOMPLEKS KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN
(KOMPLEKS 3K), SS 13, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

MBSJ.KUB.400-5/6/711

Saya.....nombor kad pengenalan.....yang mewakili syarikat.....
Nombor pendaftaran..... (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa pemunya benefisial syarikat seperti mana diisytiharkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di lampiran A dan senarai pemunya benefisial tambahan bagi kontrak ini (jika ada) adalah seperti berikut :

a) Butiran Pemunya Benefisial (Individu)

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Passport	Kewarganegaraan

b) Butiran Pemunya Benefisial (Syarikat)

Nama Syarikat	No. Pendaftaran (MOF/CIDB/SSM) atau No. Pendaftaran Bagi Syarikat Asing	Kewarganegaraan

[Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]

Yang benar,

.....
(Nama dan No.KP)

Cap Syarikat :

Catatan :

***Potong yang mana tidak berkenaan**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

**SURAT AKUAN SYARIKAT
DALAM MENANGANI JENAYAH
PEMERDAGANGAN ORANG DAN
BURUH PAKSA**

(LAMPIRAN 13)

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH

PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG, RUMAH PAM DAN
PENYEDIAAN PENYELAMAT NYAWA DI KOMPLEKS KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN
(KOMPLEKS 3K), SS 13, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

MBSJ.KUB.400-5/6/711

Saya, (Nama Wakil Syarikat)
..... No. Kad Pengenalan yang
mewakili (Nama Syarikat)
..... nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No. KP :
Tarikh :
Cap Starikat :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

**ARAHAN KEPADA
PETENDER**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

BORANG SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG, RUMAH PAM DAN PENYEDIAAN PENYELAMAT NYAWA DI KOMPLEKS KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN (KOMPLEKS 3K), SS 13, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

Kepada :
Datuk Bandar,
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan Senarai Kuantiti serta penentuan perkhidmatan, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan tawaran harga sebanyak: **(Ringgit Malaysia :**
..... RM.....) bagi **tempoh perkhidmatan (ditetapkan) adalah selama dua (2) tahun.**

Saya/Kami bersetuju yang sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

Saya/Kami bersetuju sebut harga ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan

Saya/Kami bersetuju menyerahkan **Bon Pelaksanaan** dan ia hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk samaada:

- a) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad(BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME); atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan; atau
- c) Jaminan Insurans/Takaful

Petender akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian** sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk **Jadual Fi Bayaran di Perkara 21.0 dalam Arahan Kepada Petender.**

Bertarikh pada haribulan 2026.

.....
Tandatangan Petender
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
.....
No. Telefon :
.....
Atas sifat :

.....
(Meterai atau Cap Petender)

.....
Tandatangan Saksi
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
.....
No. Telefon : :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

PREAMBLES

PREAMBLES

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG, RUMAH PAM DAN PENYEDIAAN PENYELAMAT NYAWA DI KOMPLEKS KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN (KOMPLEKS 3K), SS 13, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/711

BIL.	<i>PREAMBLES</i>
A	<p>Petender hendaklah menyediakan Perlindungan **Takaful/ Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 23 dalam Arahan Kepada Petender)</p> <p>** Walau bagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insurans</p>
B	<p>Petender hendaklah menyediakan Bon Pelaksanaan (<i>Performance Bond</i>) dalam bentuk Jaminan Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,00.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).</p>
C	<p>Petender hendaklah menyediakan kelengkapan kebersihan dan peralatan yang lengkap untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan ini (rujuk Penentuan perkhidmatan untuk keterangan yang lebih lengkap).</p>
D	<p>Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan Dokumen Sebut Harga ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua perkhidmatan ini mengikut arahan dan penentuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan.</p>
E	<p>Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak.</p>
F	<p>Lain-lain tanggungjawab di dalam melaksanakan perkhidmatan penyelenggaraan pembersihan serta makluman kepada Petender adalah seperti di Penentuan Perkhidmatan.</p>

G	<p><u>Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan(CJCP) berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018[Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018[Akta 807]</u></p> <p>a) Semua tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan(CJCP). Sekiranya bekalan atau perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan CJCP dan penyebut harga yang berjaya adalah syarikat berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka Agensi Kerajaan perlu menawarkan nilai kontrak termasuk kenaaan CJCP</p> <p>b) Penyebut harga hendaklah memaklumkan Agensi supaya CJCP boleh dibayar oleh Kerajaan. Kegagalan atau kelewatan penyebut harga untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status Pendaftaran CJCP dengan JKDM akan menyebabkan penyebut harga perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan melalui kontrak yang dimeterai.</p>
---	---



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

RINGKASAN SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

RINGKASAN SEBUT HARGA

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG, RUMAH PAM DAN PENYEDIAAN PENYELAMAT NYAWA DI KOMPLEKS KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN (KOMPLEKS 3K), SS 13, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/711

BIL	HURAIAN	JUMLAH SEBULAN (RM)	BULAN	JUMLAH 2 TAHUN (RM)
1.0	PENYEDIAAN PAPAN TANDA MAKLUMAN	-	-	
2.0	PENYEDIAAN LAPORAN DAN KELENGKAPAN KEBERSIHAN		X 24	
3.0	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN PERSEKITARAN KOLAM RENANG SERTA PENYEDIAAN PASUKAN PENYELAMAT NYAWA		X 24	
4.0	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN RUMAH PAM KOLAM RENANG DAN PIAWAIAN MUTU AIR KOLAM		X 24	
5.0	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG		X 24	
JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM)				

RINGGIT MALAYSIA :

.....

TEMPOH PERKHIDMATAN (DITETAPKAN) : DUA (2) TAHUN

.....
Tandatangan Petender

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :
No. Kad
Pengenalan :
Alamat :
.....
.....

Nama Penuh :
No. Kad
Pengenalan :
Alamat :
.....
.....

Cap Rasmi :
No. Telefon :
Tarikh :

No. Telefon :
Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

SENARAI KUANTITI

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
SENARAI KUANTITI**

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG, RUMAH PAM DAN PENYEDIAAN PENYELAMAT NYAWA DI KOMPLEKS KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN (KOMPLEKS 3K), SS 13, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/711

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
1.0	PENYEDIAAN PAPAN TANDA MAKLUMAN				
A	Membekal dan memasang papan tanda makluman berkaitan perkhidmatan penyelenggaraan ini sepanjang tempoh kontrak mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti gambar yang dilampirkan dan membuka semula papan tanda tersebut serta memperbaiki apa-apa kecacatan disebabkan perkara tersebut.	NOS	1
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
2.0	PENYEDIAAN LAPORAN DAN KELENGKAPAN KEBERSIHAN				
	LAPORAN				
A	Menyediakan set Laporan Bergambar bagi menunjukkan perkhidmatan dan penyelenggaraan pembersihan ini telah dilaksanakan iaitu yang mengandungi gambar mengikut senarai lokasi dan lain-lain berkaitan dengan anggaran sekurang-kurangnya enam (6) helaian muka surat	NOS	1
	KELENGKAPAN KEBERSIHAN				
	Menyediakan kelengkapan kebersihan seperti dinyatakan di bawah dan hendaklah memastikan ianya sentiasa mencukupi. Kekurangan membersihkan hendaklah merujuk kepada Penentuan Perkhidmatan :-				
B	Sabun pencuci tangan (10L)	NOS	2
C	Sabun mangkuk tandas (10L)	NOS	3
D	Sabun pencuci lantai (10L)	NOS	4
E	Tisu saiz jumbo (2 ply)	NOS	20
F	Plastik sampah warna hitam, saiz 75cm x 90cm, <i>High Density Polyethylene</i> . (1 bag = 10 helai)	NOS	10
G	Plastik sampah warna biru, saiz 47cm x 54cm, <i>High Density Polyethylene</i> . (1 bag = 10 helai)	NOS	10
H	<i>Hand Sanitizer</i> (5L)	NOS	1
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
3.0	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN PERSEKITARAN KOLAM RENANG SERTA PENYEDIAAN PASUKAN PENYELAMAT NYAWA				
A	Menyediakan dua (2) orang buruh am dalam melaksanakan perkhidmatan pembersihan bangunan, rumah pam, tandas, taman permainan kanak-kanak dan persekitaran kolam renang dan kekerapan membersihkan hendaklah merujuk kepada Penentuan Perkhidmatan.	Bulan	1
B	Menyediakan empat (4) orang petugas penyelamat nyawa (<i>Life Guard</i>) bertauliah yang mempunyai sijil dari Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia.	Bulan	1
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
4.0	<p>PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN RUMAH PAM KOLAM RENANG DAN PIAWAIAN MUTU AIR KOLAM</p> <p>(Sila rujuk untuk skop kerja yang lebih jelas, di Bahagian H – Penentuan Perkhidmatan)</p> <p>Menyediakan perkara berikut untuk penyelenggaraan rumah pam kolam renang dan hendaklah memastikan tahap kawalan mutu air kolam mengikut piawaian sepertimana yang telah ditetapkan :</p>				
A	Menghantar contoh air kolam renang untuk diuji mengikut standard kualiti air ke makmal	Bulan	1
B	<i>Pool Test Kit (Jenis Digital)</i>	Set	1
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
5.0	<p>PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG</p> <p>(Sila rujuk untuk skop kerja yang lebih jelas, di Bahagian H – Penentuan Perkhidmatan)</p> <p>Menyediakan perkara berikut untuk penyelenggaraan kolam renang :</p>				
A	<i>Klorin Hi-chlon (20 kg)</i>	<i>Kg</i>	40
B	<i>Sodium Carbonate (Soda Ash) (5 kg)</i>	<i>Kg</i>	5
C	<i>Hydrochloric Acid / Muriatic Acid (1 kg)</i>	<i>Kg</i>	1
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

PENENTUAN PERKHIDMATAN

PENENTUAN PERKHIDMATAN

1.0 PERSEDIAAN AWALAN

1.1 Pihak petender hendaklah menyediakan perkara-perkara berikut bagi melaksanakan perkhidmatan ini iaitu :-

1.1.1 Menyediakan Perlindungan **Takaful/ Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 23 dalam Arahan Kepada Petender)

** Walau bagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Plan Perlindungan Insurans.

1.1.2 Menyediakan Bon Pelaksanaan (Performance Bond) dalam bentuk Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).

1.1.3 Menyediakan Laporan Bulanan yang mengandungi gambar mengikut senarai lokasi dan lain-lain berkaitan bagi perkhidmatan ini dengan anggaran **enam (6)** helaian muka surat.

1.1.4 Membekal dan memasang **satu (1)** unit papan tanda makluman berkaitan perkhidmatan ini sepertimana gambar yang dilampirkan.

1.1.5 Petender hendaklah menyediakan peralatan yang lengkap untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan ini seperti berikut :

- a) Penyapu lantai (4 unit)
- b) Penyapu sawang (2 unit)
- c) Berus lantai (4 unit)
- d) Berus tandas (4 unit)
- e) Mop lantai (2 unit)
- f) Mop dasar kolam (1 unit)
- g) Penyodok air (2 unit)
- h) Mesin *vacum* lantai kolam renang (1 unit)
- i) Mesin *waterjet* (1 unit)
- j) Kit pertolongan cemas (1 unit)
- k) *Stretcher* (1 unit)
- l) *Rescue tube* (1 unit)
- m) *Floor Blower* (2 unit)

2.0 PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN

i. KOLAM RENANG KOMPLEKS 3K, SS13, SUBANG JAYA - LUAR DAN DALAM BANGUNAN, RUMAH PAM, TANDAS, TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK DAN PERSEKITARAN KOLAM RENANG.

- 2.1 Memastikan keseluruhan ruang kemudahan sentiasa bersih dan tiada sampah bertaburan sepanjang masa dengan perkhidmatan penyapuan sampah dijalankan tiga (3) kali sehari atau setiap kali ternampak sampah.
- 2.2 Menjalankan perkhidmatan mencuci dan mengemop lantai di ruang kemudahan sebanyak dua (2) kali sehari atau setiap kali ada kekotoran.
- 2.3 Mengelap keseluruhan peralatan perabot pejabat, kipas, lampu, pintu, tingkap, railing tangga dan yang berkaitan dengannya, satu (1) minggu sekali atau setiap kali ada kekotoran.
- 2.4 Membuang sawang dan sarang labah-labah dua (2) minggu sekali.
- 2.5 Membantu mengangkat dan mengemas segala peralatan atau lain-lain yang berkaitan dengan aktiviti MBSJ yang dijalankan. Perkhidmatan dijalankan sebelum dan selepas aktiviti diadakan.
- 2.6 Mencuci dan membasuh tandas lelaki dan perempuan serta memastikan lantai, dinding dan peralatan tandas sentiasa bersih, kering dan tidak berbau.
- 2.7 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah menggunakan bahan pencuci yang dibenarkan. Pencucian dan pembersihan hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut : -
 - 2.7.1 Menanggal, mencuci dan menyapu kotoran seperti debu, tanah, lumpur dan sebagainya (sampah sarap).
 - 2.7.2 Menanggal, mencuci dan menyapu daki kotoran (*external stains*) di semua permukaan di mana-mana berkenaan.
 - 2.7.3 Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa dan sempurna.
 - 2.7.4 Membersihkan dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
- 2.8 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
- 2.9 Menyediakan sabun pencucian tangan yang mencukupi serta memastikan mesin pengering tangan sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
- 2.10 Penyediaan bekas tisu dan tisu tandas di setiap tandas di kemudahan.
- 2.11 Membuang sawang labah-labah, sampah di dalam atau perkarangan tandas tersebut.

- 2.12 Menyediakan tong sampah secukupnya dan menggunakan karung plastik untuk pelupusan sampah.
- 2.13 Menanggal, mencuci dan menyapu kotoran seperti debu, tanah, lumpur dan sebagainya (sampah sarap).
- 2.14 Menanggal, mencuci dan menyapu kotoran seperti pelekat, debu, tanah, lumpur dan sebagainya (sampah sarap).
- 2.15 Menanggal, mencuci dan menyapu daki kotoran (*external stains*) di semua permukaan di mana-mana berkenaan.
- 2.16 Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa dan sempurna.
- 2.17 Membersihkan dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
- 2.18 Mencuci longkang di sekeliling kawasan kemudahan sebanyak satu (1) kali setiap hari dan setiap kali ada kekotoran.
- 2.19 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah dua (2) kali sehari atau setiap kali sampah diangkat oleh pihak kontraktor pembersihan yang di lantik oleh pihak MBSJ.
- 2.20 Kontraktor dikehendaki membersihkan dan menyapu keseluruhan kawasan kolam renang, koridor dan lain-lain kawasan lain sebanyak dua (2) kali sehari termasuk mengutip dan mengangkat sampah sarap seperti plastik, kertas, kaca, batu, tin minuman, daun kering, najis, bangkai binatang dan lain-lain. Sampah ini hendaklah dibuang di tempat pembuangan sampah.
- 2.21 Petender dikehendaki menyediakan tenaga buruh seperti berikut bagi melaksanakan perkhidmatan pembersihan di lokasi ini :

PEKERJA	JUMLAH PEKERJA	HARI	WAKTU / MASA	TEMPOH KERJA
Buruh Am	1	Isnin –	8.00 pagi – 3.00 petang	7 jam
Buruh Am	1	Ahad	2.30 petang – 9.30 malam	7 jam

- 2.22 Tanggungjawab petender di dalam melaksanakan perkhidmatan pembersihan adalah seperti berikut :
 - 2.22.1 Tenaga pekerja yang disediakan hendaklah berusia tidak melebihi 60 tahun, disahkan sihat, mampu dan berupaya untuk bekerja setiap hari (30) hari termasuk hari Sabtu dan Ahad dan Cuti Umum / Am.
 - 2.22.2 Petender dikehendaki mengadakan dan menyediakan dengan secukupnya keperluan peralatan kerja tiap-tiap hari bekerja iaitu penyediaan peralatan pembersihan seperti *mopping equipment*, tong sampah kecil dalam tandas, pengelap cermin dan lain-lain peralatan yang berkaitan.

- 2.23 Petender dikehendaki menjalankan perkhidmatan pembersihan adalah seperti berikut;
- 2.23.1 Membuang sawang labah-labah.
 - 2.23.2 Membersih segala peralatan seperti kipas, cermin kaca, pintu, tingkap, lampu, papan tanda dan lain-lain satu (1) kali dalam seminggu.
 - 2.23.3 Mencuci dan membasuh longkang kecil di sekeliling bangunan sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari dan memungut sampah di dalam longkang setiap kali terdapat sampah.
 - 2.23.4 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah dua (2) kali sehari dan setiap kali tong sampah penuh.
- 2.24 Petender dikehendaki menjalankan perkhidmatan pembersihan kawasan di sekitar dan sekeliling kawasan tiap-tiap hari. Ini termasuklah mengutip segala sampah-sarap yang tidak diinginkan seperti kertas, plastik, kaca batu, tin minuman dan lain-lain. Segala dahan, pelepah, daun, ranting kering yang gugur mesti dibersihkan dan dimasukkan ke dalam plastik berwarna biru dan dibuang ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan oleh pihak MBSJ pada hari itu juga.
- 2.25 Pemotongan RM50.00 akan dilaksanakan sekiranya sampah tidak diangkat.
- 2.26 Petender juga dikehendaki membersihkan tumbuhan asing (jika ada).
- 2.27 Petender dikehendaki mengeringkan atau menolak takungan air di lantai persekitaran kolam sediada jika berlaku hujan lebat yang menyebabkan takungan air.
- 2.28 Membuang apa jua jenis rumpai dan tumbuhan liar yang tumbuh di sepanjang sekeliling kawasan bangunan kolam renang.
- 2.29 Menyusun dan memasang penutup longkang agar sentiasa kemas dan teratur.
- 2.30 Penyediaan peralatan seperti selipar, pelapik kasut, gelung 'hose' getah di tempat-tempat seperti Tandas dan Bilik Mandi.
- 2.31 Menyusun dan mengemas semula peralatan yang digunakan di dalam Bangunan Kolam Renang seperti menyusun kerusi / meja dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
- 2.32 Menyapu, mengelap peralatan setiap kali ada penggunaan dan menyusun semula peralatan di tempat yang disediakan.
- 2.33 Papan Tanda Informasi Kerja hendaklah di pasang di tempat yang senang dilihat. Sila berhubung dengan Pegawai Penguasa atau wakilnya sebelum kerja-kerja pemasangan dilakukan.
- 2.34 Lain-lain kerja pembersihan yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya mengikut keadaan semasa.

3.0 PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN RUMAH PAM KOLAM RENANG DAN PIAWAIAN MUTU AIR KOLAM

- 3.1 Memastikan segala peralatan-peralatan di '*Plant Room*' yang digunakan berada dalam keadaan baik dan sentiasa boleh beroperasi.
- 3.2 Memastikan pam kolam renang dan lain-lain berada dalam keadaan baik dan berfungsi dengan tepat.
- 3.3 Memastikan motor elektrik, panel kawalan dan lain-lain berada dalam keadaan baik.
- 3.4 Kerosakan-kerosakan yang berlaku hendaklah diberitahu kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya. Kerja-kerja pembaikan yang mempunyai nilai melebihi dari RM 500.00 hendaklah diberitahu kepada **Majlis Bandaraya Subang Jaya**. Kos penyelenggaraan besar tidak termasuk di dalam jadual harga tender ini.
- 3.5 Sekiranya diperlukan kontraktor dikehendaki membuat pembaikan pada peralatan yang terdapat dalam *plant room* setelah kadar harga dipersetujui oleh Majlis.
- 3.6 Menghantar contoh air kolam renang untuk di uji di makmal pada setiap hujung bulan setiap bulan. Pihak Kontraktor hendaklah memastikan tahap kawalan mutu air kolam mengikut standard kualiti air kolam renang dalam piawaian berikut (rujuk Jadual 1);

Bil	Parameter	Unit	Piawaian
i.	Baki klorin bebas	mg/l	0.5 – 3.0
ii.	pH	-	7.0 – 7.8
iii.	Kekeruhan	NTU	≤ 5.0
iv.	Suhu	°C	21.2 – 32.2
v.	Jumlah Kealkalian (Sebagai caCo ₃)	mg/l	80 – 200
vi.	Keliatan (Sebagai caCo ₃)	mg/l	75 – 250
vii.	Jumlah pepejal Terlarut	mg/l	≤ 1000
viii.	Asid Cyanurik	mg/l	≤ 50
ix.	Nitrat (Sebagai No ₃ - N)	mg/l	≤ 10
x.	Escherichia coli (<i>E.coli</i>)		Tiada dalam 100 ml

Jadual 1

- 3.7 Kontraktor dikehendaki menjalankan kerja-kerja pembersihan kawasan di sekitar dan sekeliling kawasan Rumah Pam Kolam Renang tiap-tiap hari. Ini termasuklah mengutip segala sampah-sarap yang tidak diinginkan seperti kertas, plastik, kaca, batu, tin minuman dan lain-lain. Segala dahan, pelepah, daun, ranting kering yang gugur mesti dibersihkan dan dimasukkan ke dalam plastik berwarna biru dan dibuang ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan oleh pihak MBSJ pada hari itu juga. Pemotongan RM50.00 akan dilaksanakan sekiranya sampah tidak diangkat. Kontraktor juga dikehendaki membuang dan membersihkan tumbuhan asing (jika ada).

4.0 PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG (SAIZ KOLAM RENANG DEWASA 1.2 Meter – 2 Meter (DALAM) x 61.4 Meter (PANJANG) x 19.7 Meter (LEBAR) DAN SAIZ KOLAM RENANG KANAK-KANAK 0.25 Meter – 0.75 Meter (DALAM) x 20.2 Meter (PANJANG) x 8.2 Meter (LEBAR))

- 4.1 Menyediakan peralatan serta perkakas yang berkaitan dan sesuai untuk kerja pembersihan dalam kolam, kawasan longkang limpah, tangki pengimbang dan lain-lain yang berkaitan dengan kolam renang sahaja tidak termasuk kompleks bangunan tersebut.
- 4.2 Memastikan keadaan air kolam sentiasa jernih dan bersih dari sebarang kekotoran
- 4.3 Menyediakan tenaga pekerja untuk kerja-kerja mencuci kolam sebelum dan selepas digunakan.
- 4.4 Menyediakan tenaga pekerja untuk tunggu sedia dan menjalankan pam dan peralatan yang berkaitan dengan kolam renang.
- 4.5 Menyediakan **Klorin Hi-Chlon 70** yang ***secukupnya dan*** tenaga pekerja untuk membancuh bahan-bahan kimia tersebut.
- 4.6 Menyediakan **Pool Test Kit (jenis digital)**.
- 4.7 Membersihkan kolam, rumah pam, tangki pengimbang, kolam kanak-kanak dan kolam dewasa serta longkang-longkang limpah.
- 4.8 Memulakan sistem pusingan dan penapisan air, basuhan semula dan lain-lain yang berkaitan.
- 4.9 Memastikan paras air mencukupi dan dikawal untuk memberikan keselesaan pada pengguna.
- 4.10 Menyediakan bahan-bahan kimia yang diperlukan untuk memastikan mutu dan kualiti air mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 4.11 Menyediakan jadual serta menyimpan maklumat-maklumat tentang ujian air yang dijalankan, penggunaan bahan-bahan kimia yang digunakan tiap-tiap hari dan jadual nama-nama pekerja yang bertugas tiap-tiap hari.
- 4.12 Sampel air kolam renang hendaklah diuji / analisa oleh makmal yang diiktiraf pada minggu pertama setiap bulan. Salinan daripada keputusan ujian air perlu disertakan kepada pihak Majlis.
- 4.13 Menjalankan kerja rawatan air harian, mingguan dan bulanan.
- 4.14 Menyediakan alat-alat dan perkakas-perkakas untuk membuat ujian-ujian air, kimia dan lain-lain berkaitan (jenis digital).

- 4.15 Mencuci dan mengemop lantai dan keseluruhan ruang Kolam Renang, Tandas, Bilik Mandi dan Bilik Persalinan sebanyak sekurang-kurangnya tiga (3) kali sehari atau setiap kali terdapat kotoran.
- 4.16 Membuang sawang labah-labah.
- 4.17 Membersih segala peralatan seperti kipas, cermin kaca, pintu, tingkap, lampu, papan tanda dan lain-lain satu (1) kali dalam seminggu.
- 4.18 Mencuci dan membasuh longkang kecil di sekeliling kawasan Kolam Renang sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari dan memungut sampah di dalam longkang setiap kali terdapat sampah.
- 4.19 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah dua (2) kali sehari dan setiap kali tong sampah penuh.
- 4.20 **Kerja-Kerja *Harian* Penyelenggaraan Kolam Renang.**
 - 4.20.1 Memulakan sistem pemutaran air,
 - 4.20.2 Menguji dan mencatat mutu air dan alat-alat hendaklah disediakan oleh Kontraktor seperti ***Pool Test Kit (jenis digital)***
 - 4.20.3 Membancuh bahan kimia yang diperlukan (Klorin Hiclon 70, Soda Ash, Muriatic Acid) mengikut keperluan atas hasil ujian Ph air yang dijalankan dan menjalankan pam kolam renang
 - 4.20.4 Menyedut kekotoran dari dasar lantai kolam menggunakan mesin vakum, membersihkan tembok kolam dan lain-lain yang berkaitan,
 - 4.20.5 Membersihkan penapis dalam longkang limpah,
 - 4.20.6 Menutup injap yang berkaitan,
 - 4.20.7 Membuka injap yang berkaitan,
 - 4.20.8 Kerja-kerja ini hendaklah dilakukan sebelum dan selepas tiap-tiap sesi kolam digunakan;
 - 4.20.9 Membuat kerja-kerja tunggu sedia semasa kolam renang digunakan bagi memastikan semua sistem berjalan dengan baik.

4.21 Kerja-Kerja *Mingguan* Penyelenggaraan Kolam Renang.

- 4.21.1 Membancuh dan menabur klorin di malam hari selepas sesi akhir penggunaan dan kerja-kerja menyedut kekotoran di waktu pagi sebelum sesi pertama dibuka pada orang ramai.
- 4.21.2 Membersihkan tangki penapis (*back washing*) setiap 72 jam atau diukur pada perubahan tekanan (*differential pressure*).
- 4.21.3 Memberus dinding setiap kolam renang.
- 4.21.4 Membersihkan kotoran melekat pada longkang limbah dan lain-lain.
- 4.21.5 Membersihkan *plastik grating* dan memastikan berada dalam keadaan yang betul.
- 4.21.6 Memastikan segala peralatan dalam *plant room* berjalan dengan sempurna.

4.22 Kerja-Kerja *Bulanan* Penyelenggaraan Kolam Renang.

- 4.22.1 Menjalankan analisa air secara keseluruhan.
- 4.22.2 Memeriksa dan meneliti semua sambungan, membetulkan dan *re-seal* apabila perlu.
- 4.22.3 Memeriksa permukaan (*body*) rangka penapis supaya bebas daripada retak dan kebocoran
- 4.22.4 Memastikan penampan getah (*rubber buffer*) berada dalam keadaan baik untuk mengelakkan kebocoran tangki dan paip
- 4.22.5 Memeriksa motor, *pump set & control panels*
- 4.22.6 Membersihkan tangki curahan (bila perlu)
- 4.22.7 Membuat kerja-kerja untuk memastikan mutu air berada dalam keadaan yang dibenarkan.
- 4.22.8 Membersihkan batang-batang besi dalamimbangan dan tangga dalam kolam.
- 4.22.9 Mengemukakan tuntutan bayaran dan laporan lengkap kepada pihak Majlis dalam tempoh 31 hari (sebulan) selepas kerja-kerja dilaksanakan ditapak. Kelewatan akan dikenakan denda seperti di Arahan Kepada Petender.
- 4.22.10 Menghantar sampel air kolam renang untuk ujian makmal dan mendapatkan salinan laporan dan direkodkan.

5.0 PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PASUKAN PENYELAMAT NYAWA KOLAM RENANG DAN PERALATAN KECEMASAN

- 5.1 Menyediakan **empat (4) orang petugas penyelamat nyawa ("Life Guard")** bertauliah yang mempunyai sijil '*Cardiopulmonary Resuscitation*' (CPR) dari Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia pada setiap hari iaitu dari Isnin hingga hari Ahad dengan jadual bertugas seperti berikut ;
 - 5.1.1 Sesi 1 (08.00 pagi – 12.30 tengahari)
 - 5.1.2 Sesi 2 (02.00 petang – 06.30 petang)
 - 5.1.3 Sesi 3 (07.00 petang – 10.00 malam)
- 5.2 Menyediakan petugas penyelamat nyawa yang berpakaian seragam (baju bertulis nama '*Life Guard*') pada masa bertugas serta memakai lencana '*bronze medallion*' (Sijil Pingat Gangsa) dari Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia atau yang setaraf dengannya setiap kali bertugas. (Sijil tersebut hendaklah diperbaharui setiap 2 tahun)
- 5.3 Menyediakan **peralatan kecemasan** dalam keadaan bersedia pada setiap masa penggunaan kolam renang. peralatan tersebut adalah **'First Aid Kit', 'Stretcher' dan Alat Bantu Menyelamat (Rescue Tube)**.
- 5.4 Memastikan petugas sentiasa berada dalam keadaan bersedia dan dilengkapi dengan peralatan seperti wisel dan pakaian dengan fabrik bersesuaian mengikut piawaian keselamatan dan kesihatan industri bagi mengawasi pengguna serta memastikan pengguna mematuhi segala peraturan dan arahan papan tanda semasa menggunakan kolam renang.
- 5.5 Memastikan pengguna menggunakan jenis kolam renang yang sepatutnya iaitu '*wading pool*' untuk kanak-kanak berumur bawah 12 tahun dan kolam renang dewasa untuk kategori umur 13 tahun dan ke atas. Petugas dikehendaki menegur pengguna dengan cara berhemah jika berlaku sebarang pelanggaran peraturan ini.

- 5.6 Memastikan segala peralatan penyelamat nyawa seperti pelampung, kit pertolongan cemas, *Stretcher* dan *Rescue Tube* serta lain-lain berkaitan berada dalam keadaan bersedia.
- 5.7 '*Life Guard*' tidak dibenarkan berada lebih dari 2 meter dari kolam bagi tujuan keselamatan pengguna semasa bertugas bagi setiap sesi.

6.0 KERJA-KERJA PEMBERSIHAN AIR KOLAM RENANG YANG TERCEMAR OLEH NAJIS, MUNTAH ATAU DARAH

6.1 Sekiranya kolam renang dicemari oleh najis, muntah atau darah, antara langkah-langkah yang dicadangkan perlu dilaksanakan adalah seperti berikut ;

- 6.1.1 Kolam renang perlu dikosongkan daripada pengguna mengikut SOP Pengosongan Kolam.
- 6.1.2 Zarah besar perlu dikeluarkan menggunakan penapis atau vakum.
- 6.1.3 Kolam renang hendaklah dirawat dengan dos klorin berganda atau kaedah lain yang bersesuaian.
- 6.1.4 Penapis kolam renang perlu *dibackwashed*.
- 6.1.5 Air kolam perlu diuji untuk memastikan pematuhan Peraturan-Peraturan Kesihatan.
- 6.1.6 Jika air memenuhi Peraturan-Peraturan, pengguna dibenarkan untuk masuk semula ke dalam kolam renang.
- 6.1.7 Butiran mengenai insiden dan rawatan perlu dicatatkan dalam log operasi kolam renang.

7.0 LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN

Pihak kontraktor perlu menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan Penyelenggaraan Kolam Renang setiap kali diarah berbuat demikian.

8.0 PAKAIAN SERAGAM

Kontraktor hendaklah menyediakan pakaian seragam petugas penyelamat nyawa berwarna merah dan buruh am (bebas) sebagai tanda pengenalan terhadap semua pekerja yang bertugas dalam kontrak ini.

9.0 PUNCA AIR

Kontraktor dikehendaki mencari sendiri sumber air untuk tujuan kerja-kerja penyiraman. Kontraktor tidak dibenar sama sekali mengambil air daripada saluran pemadam api. Arahan ini hendaklah disampaikan kepada pekerja-pekerja dan hendaklah diulang dari semasa ke semasa.

10.0 TUNTUTAN GANTIRUGI KE ATAS KERUGIAN ATAS KEGAGALAN PERLAKSANAAN KERJA KONTRAKTOR ATAU KECUAIAN

10.1 Kontraktor akan membayar gantirugi kepada pihak MBSJ dikira berdasarkan kepada kos kerugian sekiranya ianya terbukti disebabkan oleh kontraktor yang gagal melaksanakan tanggungjawab kontrak ini atau atas sebab kecuaiannya.

10.2 Sekiranya pihak Majlis terpaksa membuat sendiri atau memanggil kontraktor lain dalam melaksanakan perkhidmatan dalam kontrak ini, pihak Majlis akan membuat penolakan daripada tuntutan bulanan kontraktor.

10.3 Kontraktor dikehendaki mengenalpasti sendiri lokasi-lokasi punca air tersebut untuk membuat perancangan sendiri bagaimana kerja-kerja penyelenggaraan akan dijalankan. Pihak MBSJ boleh memberikan kebenaran penggunaan air tanpa mengenakan sebarang bayaran tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN L

KADAR DENDA

1.0 KADAR DENDA

1.1 CUCI / SAPU KAWASAN		
	1.1.1 Kawasan tidak disapu / dibersihkan.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi keluasan lantai.
	1.1.2 Sampah-sampah sapuan dibiarkan berlonggokan.	RM50.00 satu beg hitam besar.
1.2 TONG SAMPAH KECIL / BESAR		
	1.2.1 Tong sampah kecil tidak dibersihkan.	RM50.00 satu tong kecil.
	1.2.2 Sampah harian tidak dilupuskan dengan Sempurna.	RM100.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
	1.2.3 Terdapat Aduan sampah dari pihak Awam	RM200.00 setiap kali ada aduan awam.
1.3 PEKERJA		
	1.3.1 Bilangan pekerja tidak mencukupi.	RM50.00 seorang.
	1.3.2 Pekerja tidak memakai pakaian pekerja.	RM50.00 seorang.
1.4 BANGKAI BINATANG		
	1.4.1 Tidak diangkat dengan segera.	RM100.00 seekor setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
1.5 DAYA KECEKAPAN PENTENDER		
	1.5.1 Kakitangan tidak memakai pakaian seragam yang ada nama syarikat.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.5.2 Kecekapan dan keberkesanan mengatasi aduan kebersihan.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
1.6 PEMBAIKAN KEROSAKAN KECIL		
	1.7.1 Tidak membuat aduan bertulis.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.

1.7 PENYELENGGARAAN MESIN PAM KOLAM RENANG		
	1.7.1 Tidak memulakan mesin kolam renang pada waktunya.	RM500.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.7.2 Tidak melakukan kerja penyelenggaraan harian, mingguan dan bulanan pada mesin pam kolam renang.	RM300.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.7.3 Tidak membersihkan ' <i>plastic grating</i> ' dan memastikan berada dalam keadaan betul.	RM150.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.7.4 Tidak menjalankan salah satu kerja-kerja harian Rumah Pam	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.7.5 Tidak menjalankan salah satu kerja mingguan Rumah Pam.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
1.8 PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG		
	1.8.1 Tidak menjalankan salah satu kerja- kerja harian kolam renang.	RM150.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.8.2 Tidak menjalankan salah satu kerja-kerja mingguan kolam renang.	RM150.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.8.3 Menggunakan Klorin selain Hi Chlon 70	RM600.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.8.4 Tidak Menyediakan Pool Test Kits (jenis digital)	RM60.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
	1.8.5 Tidak menyediakan salinan keputusan laporan ujian air kolam renang dari makmal yang diiktiraf.	RM500.00 sebulan sekali
1.9 PENYEDIAAN PASUKAN PENYELAMAT		
	1.9.1 Tidak menyediakan petugas penyelamat nyawa semasa waktu bertugas.	RM500.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.9.2 Petugas penyelamat nyawa tidak hadir bertugas semasa hari bertugas.	RM500.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.9.3 Petugas penyelamat nyawa tidak melakukan tugas seperti yang diarahkan.	RM200.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.9.4 ' <i>Life Guard</i> ' tidak memakai lencana Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia (pingat gangsa)	RM100.00 seorang setiap kali lawatan dari pihak Majlis
1.10 PENYEDIAAN PERALATAN PENYELAMAT NYAWA		
	1.10.1 Tidak menyediakan peralatan penyelamat nyawa seperti kit bantuan kecemasan, <i>stretcher</i> , dan alat bantuan menyelamat (<i>rescue tube</i>) dan yang berkaitan.	RM250.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN M

MAKLUMAT PETENDER





MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN N

PELAN LOKASI / GAMBAR

**PELAN LOKASI, KOLAM RENANG KOMPLEKS 3K, SS13,
SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

 <p>TANPA SKALA</p>	<p>TAJUK:</p> <p>LOKASI KOLAM RENANG KOMPLEKS 3K SS 13, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN</p>	<p>HARTA SUBJEK</p>	 <p>DISEDIAKAN OLEH:</p> <p>BAHAGIAN KEMUDAHAN DAN PEMBANGUNAN SUKAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT</p>	<p>PELAN LOKASI</p>
---	---	----------------------------	--	----------------------------



**KOLAM RENANG
KOMPLEKS 3K, SS 13, SUBANG JAYA**



Kolam Renang Dewasa



Kolam Renang Kanak-Kanak

**TANDAS / BILIK MANDI LELAKI
KOLAM RENANG
KOMPLEKS 3K, SS 13, SUBANG JAYA**




**TANDAS / BILIK MANDI PEREMPUAN
KOLAM RENANG
KOMPLEKS 3K, SS 13, SUBANG JAYA**






**BILIK KAWALAN
KOLAM RENANG
KOMPLEKS 3K, SS 13, SUBANG JAYA**




**TEMPAT DUDUK
KOLAM RENANG
KOMPLEKS 3K, SS 13, SUBANG JAYA**



LALUAN KORIDOR
KOLAM RENANG
KOMPLEKS 3K, SS 13, SUBANG JAYA



**STOR, RUANG SHOWER DAN STOR BAHAN KIMIA
KOLAM RENANG
KOMPLEKS 3K, SS 13, SUBANG JAYA**




LALUAN RUMAH PAM
KOLAM RENANG
KOMPLEKS 3K, SS 13, SUBANG JAYA




RUMAH PAM
KOLAM RENANG
KOMPLEKS 3K, SS 13, SUBANG JAYA



**TAMAN PERMAINAN
KOLAM RENANG
KOMPLEKS 3K, SS 13, SUBANG JAYA**



SPESIFIKASI PAPAN TANDA MAKLUMAN



PAPAN TANDA DI BANGUNAN KOLAM RENANG KOMPLEKS 3K